

Customer charter

Piagam pelanggan Wasiyyah Shoppe Berhad ini menjadi teras kepada kami untuk memberi komitmen kepada pelanggan untuk menjadi sebuah Syarikat Amanah Patuh Syariah yang menggalakkan inovasi digital serta menawarkan solusi perancangan harta yang telus kepada pelanggan kami. Kami berusaha untuk memenuhi keperluan umat Islam dengan kecekapan, kebolehpercayaan, dan ketepatan produk kami sebagai instrumen dalam industri perancangan harta dan pengurusan pusaka.

Piagam Pelanggan Wasiyyah Shoppe Berhad adalah berdasarkan 5 teras utama bertujuan untuk memastikan pengalaman yang lancar sepanjang proses perancangan harta dan pengurusan pusaka pelanggan. Berikut adalah 5 teras piagam pelanggan kami :

1. Perkhidmatan Berkualiti dan Telus: Kami memberi jaminan perkhidmatan berkualiti tinggi yang memenuhi keperluan khusus para pelanggan kami dan memastikan kepatuhan terhadap keputusan yang telah dibuat oleh Panel Syariah kami. Kami akan memastikan segala produk dan dokumen kami mematuhi perkembangan undang-undang bagi menyediakan produk yang tepat dan boleh dipercayai serta membawa pelanggan kami melalui proses perancangan harta dan pengurusan yang tepat dan mudah.
2. Inovasi dan Teknologi: Dengan visi kami untuk menjadi Syarikat Amanah Patuh Syariah yang menawarkan pewarisan komprehensif secara digital pada peringkat Global, kami amat menitikberatkan inovasi dan menggembungkan usaha kami untuk menggunakan teknologi terkini bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan kami.
3. Aksesibiliti: Kepuasan anda adalah keutamaan kami, kami berazam untuk memberi kepuasan dengan saluran komunikasi yang mudah dan tepat kepada semua pelanggan kami. Khidmat pelanggan kami akan sedia untuk menjawab pertanyaan atau maklum balas anda melalui pelbagai saluran seperti telefon, e-mel dan melalui Dai'e anda.
4. Privasi dan Keselamatan Data: Kami menjamin bahawa semua maklumat pelanggan akan disimpan dengan tahap kerahsiaan yang ketat dan hanya digunakan untuk tujuan berkaitan perkhidmatan kami. Kepercayaan anda adalah amat penting bagi kami. Justeru itu, kami amat menitikberatkan 7 prinsip dalam akta perlindungan data peribadi (PDPA) yang menjadi asas kepada semua pengurusan data peribadi anda.
5. Tadbir urus Korporat: Kami akan memastikan pematuhan kepada semua perundangan, peraturan, dan garis panduan yang berkaitan dengan perkhidmatan yang kami sediakan. Di peringkat pengurusan, kami berpegang kepada *standard* etika dan profesionalisma yang tinggi dengan mematuhi tadbir urus korporat yang ketat seiring dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG) sebagai instrumen penting dalam tadbir urus korporat.

Dengan mematuhi Piagam Pelanggan ini, kami berusaha untuk mencapai visi dan misi kami demi membantu umat Islam dalam perancangan harta dan pengurusan harta pusaka. Kami juga akan memberi komitmen untuk menyediakan perkhidmatan yang cemerlang dan menjadi Syarikat Amanah Patuh Syariah yang terbesar dalam menyelesaikan harta pusaka dan wasiat.

Terima kasih kerana memilih Wasiyyah Shoppe Berhad. Kami berharap dapat memberikan perkhidmatan yang memuaskan kepada anda.

Sekian,

Wasiyyah Shoppe Berhad